

04/08/2001

Halim tidak disiasat: PM

Kadir Dikoh; Saidon Idris

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Tan Sri Halim Saad tidak disiasat berhubung masalah yang dialami kumpulan United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM) dan Renong Bhd (Renong), tetapi beliau tidak lagi berkuasa dalam urusan pentadbiran kumpulan berkenaan.

"Tidak, beliau (Halim yang juga Naib Pengerusi Eksekutif Renong) tidak disiasat, tetapi beliau kini tidak berkuasa dalam pentadbiran, itu saja," kata beliau ketika ditanya sama ada Halim yang juga bekas naib pengerusi UEM itu sedang disiasat.

Dr Mahathir berkata, kerajaan melalui Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta), Danamodal Nasional Bhd (Danamodal) dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) sudah berusaha memulihkan syarikat yang bermasalah.

"Namun begitu, masih ada beberapa syarikat yang dalam masalah serius. Jika seseorang individu tidak dapat mengendalikannya (masalah syarikat) kerana saiz masalah itu, maka terdapat sebab bagi individu terbabit melepaskan jawatannya," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas kedudukan Halim, selepas majlis perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan di Kuala Lumpur semalam.

Pada 23 Julai lalu, kerajaan menerusi cabang pelaburannya, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) menawarkan untuk mengambil alih UEM, iaitu unit konglomerat anggota kumpulan Renong yang menanggung beban hutang.

Khazanah menerusi anak syarikat milik penuhnya, Syarikat Danasaham Sdn Bhd (Danasaham), menawarkan membeli 99.78 peratus daripada saham dan waran UEM masing-masing pada RM4.50 dan 40 sen setiap satu.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak menyelamatkan syarikat seperti yang didakwa tetapi apa yang dilakukan ialah menyusun semula syarikat yang bermasalah.

"Kerajaan perlu menstruktur semula syarikat terbabit kerana mereka sedang kerugian," katanya.

Beliau juga menegaskan, langkah kerajaan menyusun semula syarikat yang bermasalah itu bertujuan menjaga kepentingan pekerja syarikat terbabit dan bukan untuk menyelamatkan individu tertentu.

Langkah menyusun semula itu juga, katanya, selaras dengan komitmen kerajaan bagi memastikan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Hakikatnya, mereka (syarikat) dilanda masalah dan kerajaan menyusun syarikat terbabit bukan kerana mahu menyelamatkan orang tertentu tetapi kerana kerajaan mempunyai komitmen terhadap pekerja (syarikat yang terbabit). Kerajaan juga mempunyai komitmen untuk menjayakan DEB," tegasnya.

Ditanya sama ada penyusunan semula UEM adalah perubahan dalam dasar pengagihan kekayaan yang sebelum ini dikatakan disalurkan kepada individu, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak pernah memberi kekayaan kepada individu sebaliknya hanya memberikan peluang.

"Tetapi mereka tidak begitu baik (mengurus), mereka salah urus, pada masa yang sama ketika krisis kewangan, banyak orang gagal termasuk syarikat yang diuruskan dengan begitu baik," katanya.

Mengenai sama ada kerajaan akan turut melaksanakan penyusunan semula terhadap syarikat lain yang dilanda masalah, Dr Mahathir berkata, kerajaan menerusi Danaharta, Danamodal dan CDRC melihat semua syarikat.

Beliau berkata, ini kerana syarikat terbabit dilanda masalah bukan

kerana kesalahan mereka, sebaliknya kerana penurunan nilai mata wang diikuti pula oleh kejatuhan teruk harga saham ketika krisis kewangan.

"Ia bukannya salah mereka, malah banyak syarikat mempunyai aset bernilai jauh lebih tinggi daripada nilai saham mereka di Bursa Saham Kuala Lumpur.

"Jika anda menurun nilai mata wang dolar Amerika Syarikat sebanyak 50 peratus, syarikat General Motors pun akan gagal," katanya.

(END)